

Headline	16 pemain muda terpilih wakili skuad 1Malaysia 2014		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	58	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	264 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,295
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,885



16 pemain muda terpilih wakili skuad 1Malaysia 2014

YAYASAN Rakyat 1Malaysia (YRIM) dan Mamee-Double Decker (M) Sdn. Bhd. secara rasmi mengumumkan pembentukan skuad bola sepak 1Malaysia 2014 semalam.

Seramai 16 pemain terpilih mewakili skuad itu selepas menjalani proses pemilihan melibatkan 180 pemain daripada 10 pasukan terbaik di seluruh negara yang menyertai Piala Mamee 1Malaysia.

Skuad yang baru ditubuhkan itu bakal menerima pendedahan berguna di Manchester, England dan akan menjalani latihan di Manches-

ter United Soccer Schools (MUSS) selama lima hari.

Ketua Pegawai Eksekutif YRIM, Ung Su Ling meluahkan rasa gembira apabila Piala Mamee 1Malaysia yang dianjurkan seiring dengan slogan 'Bukan Sekadar Piala' itu berjaya menepati matlamat pihaknya.

"Kami sangat berbangga apabila matlamat kami untuk menyatukan anak muda di seluruh negara melalui perkongsian minat yang sama... semangat terhadap sukan bola sepak.

"Kami berharap pemain-

pemain pasukan bola sepak 1Malaysia 2014 dapat mencapai impian mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Mamee-Double Decker (M) Sdn. Bhd., Datuk Wira Pang Tee Chew turut mengakui teruja dengan penganjuran kejo-

nan tersebut. "Saya yakin pasukan ini akan menerima pengalaman berharga yang tidak dapat dilupakan sepanjang menjalani latihan di MUSS," jelasnya.

Selain daripada pendedahan yang bakal diterima di padang, para pemain muda juga akan diberikan peluang melawat Stadium dan Muzeum Old Trafford serta Muzeum Bola Sepak Antarabangsa England di Manchester.

Sebagai rekod, Grand Final Piala Mamee 1Malaysia yang diadakan bulan lalu menyaksikan pasukan Remaja Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang (PBNP) muncul juara seterusnya membawa pulang trofi berserta wang tunai RM15,000.

INFO Senarai 16 pemain skuad bola sepak 1Malaysia 2014

1. Alias Helmi Ibrahim - MSNT
2. Alif Afham Mustakim Abdul Hisham - Remaja PBNP
3. Datu Mohd. Armin Datu Muhammad - Remaja PBNP
4. G. Durrkeswaran - Masjid Tanah FC
5. G. Kalaselvaan - Selangor Indian Association
6. S. Kannan - Masjid Tanah FC
7. L. Kesavan - Selangor Indian Association
8. Muhammad Alif Asyraf Muliadi - MSNT
9. Muhammad Ashar Al-aafiz Abdullah - Remaja PBNP
10. Muhammad Azeem Azhar - UiTM Perlis
11. Muhammad Kamil Ismail - SMK Seri Kota
12. Muhammad Nursyazwan Zaihan - Kelab Bolasepak Presint 8
13. Muhammad Yusuf Akma Mohd. Nawi - Daerah Tawau
14. Nazarudin Bohri - Axis FC
15. Rahman Shah Marajehm - Daerah Tawau
16. Zulhafiz Abdul Mahal - Daerah Tawau



ASAH BAKAT... Barisan pemain muda yang terpilih mewakili skuad 1Malaysia 2014 akan menimba pengalaman berharga di MUSS.